

MAHATHIR - ANTARTIKA 'R'Q'Q

I

DARI REJAL ARBEE

1982

NEW YORK, 30 SEPT. (BERNAMA) - BANGSA-BANGSA BERSATU DISYOR MENGADAKAN MESYUARAT UNTUK MENGHURAIKAN MASALAH KAWASAN-KAWASAN YANG BELUM DIDIAMI SEPERTI ANTARTIKA BAGI MENJAMIN HAK-HAK SEMUA NEGARA KE ATASNYA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBUAT SYOR ITU, BERKATA MASANYA SUDAH TIBA BAGI BADAN DUNIA ITU MEMBERI PERHATIAN KEPADA KAWASAN-KAWASAN SEPERTI ITU SAMA ADA YANG SUDAH DITUNTUT ATAU SEBALIKNYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM UCAPAN SULUNG DI PERSIDANGAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI PETANG SEMALAM (AWAL PAGI INI DI MALAYSIA).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU PERJANJIAN ANTARABANGSA YANG BARU PERLU DIADAKAN SUPAYA UNSUR-UNSUR SEJARAH TIDAK AKAN DIJADIKAN SEBAGAI FAKTA UNTUK MENYOKONG SEBARANG TUNTUTAN.

KATANYA, DENGAN TERCAPAINYA PERSETUJUAN MENGENAI UNDANG-UNDANG LAUT, MAKA MASANYA SUDAH BERLALU BAGI NEGARA-NEGARA KAYA MENGAMBIL UNTUK MEREKA SENDIRI MANA-MANA KAWASAN ATAU SUMBER YANG DAPAT MEREKA TEROKAI. - LAGI 0958/BW

B504

MAHATHIR - ANTARTIKA 2 NEW YORK 'R'Q'Q

+OLEH YANG DEMIKIAN SEMUA KEKAYAAN BUMI INI YANG MASIH BELUM DITUNTUT MESTILAH DIANGGAP SEBAGAI WARISAN BERSAMA SEMUA NEGARA DI PLANET INI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASIH TERDAPAT KAWASAN-KAWASAN DI DUNIA YANG TIDAK DILIPUTI OLEH SEBARANG PERJANJIAN ANTARABANGSA DAN TIDAK MEMPUNYAI PERIBUMI ATAU PENEROKA.

MEMANDANGKAN HAL ITU, TIDAK ADA SESIAPA UNTUK MEWARISI KAWASAN ITU DAN MENUBUHKAN KERAJAAN YANG KUKUH, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PADA MASA LALU BEBERAPA NEGARA MENGHANTAR ROMBONGAN UNTUK MENEROKA BENUA ANTARTIKA YANG MERUPAKAN KAWASAN SEPERTI ITU YANG TERBESAR. MEREKA TIDAK MENGHADKAN KEGIATAN MEREKA KEPADA PENYELIDIKAN SAINS TETAPI TELAH MENUNTUT BAHAGIAN-BAHAGIAN BESAR DARI KAWASAN ITU UNTUK NEGARA MEREKA.

BELIAU BERKATA OLEH KERANA TUNTUTAN ITU TIDAK MERUPAKAN RAMPASAN TANAH DARIPADA MANA-MANA PERIBUMI, MAKA NEGARA-NEGARA ITU TIDAK DIKEHENDAKI MEMBEBAHKANNYA DARI PENJAJAHAN.

+TETAPI KENYATAANNYA TETAP TIDAK BERUBAH IAITU KAWASAN-KAWASAN YANG TIDAK DIDIAMI ITU TIDAK DIPUNYAI SECARA SAH DARI SEGI UNDANG-UNDANG OLEH MEREKA YANG MENEMUINYA SEPERTI JUGA TANAH-TANAH JAJAHAN TIDAK DIPUNYAI OLEH KUASA-KUASA YANG MENJAJAHNYA,+ TAMBAHNYA. - LAGI 1020/BW

MAHATHIR - ANTARTIKA 3 NEW YORK R'R'R'

+SEBAGAIMANA JUGA LAUT DAN DASARNYA, KAWASAN-KAWASAN YANG TIDAK DIDIAMI ITU ADALAH KEPUNYAAN MASYARAKAT ANTARABANGSA.

+NEGARA-NEGARA YANG KETIKA INI MENUNTUTINYA HENDAKLAH MEMBEDAKANNYA SUPAYA DITADBIRKAN OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU ATAU SUPAYA MEREKA YANG MENDUDUKINYA BERTINDAK SEBAGAI PEMEGANG AMANAH BAGI NEGARA-NEGARA DI DUNIA INI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SEDAR TENTANG PERJANJIAN ANTARTIKA YANG DIBUAT OLEH SEBILANGAN KECIL NEGARA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BEKERJASAMA DALAM PENYELIDIKAN SAINS DAN MENEGAH KEGIATAN YANG TIDAK BERCORAK KEAMANAN.

BELIAU BERKATA, WALAUPUN ADA BAIKNYA DALAM PERJANJIAN ITU TETAPI IA MERUPAKAN SATU PERJANJIAN DI KALANGAN NEGARA YANG TERPILIH SAHAJA DAN TIDAK MEMBAYANGKAN PERASAAN SEBENAR NEGARA-NEGARA ANGGOTA BANGSA-BANGSA BERSATU ATAU TUNTUTAN MEREKA YANG RAJAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PENGGUNAAN SEPENUH-NYA SUMBER KAWASAN ANTARTIKA MASIH MEMERLUKAN PERBELANJAAN YANG BESAR DAN TEKNOLOGINYA MASIH BELUM DIDAPATI, MASA-NYA AKAN TIBA APABILA ANTA

AAKAPAN DAN
LAIN-LAIN SUMBER PEMBANGUNAN.

BELIAU BERKATA SEHARUSNYALAH PENGGUNAAN SUMBER-SUMBER ITU MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA MISKIN SEBAGAIMANA JUGA KEPADA NEGARA-NEGARA KAYA. -- LAGI 1040/MK

MAHATHIR - ANTARTIKA 4 NEW YORK

DALAM UCAPAN SELAMA 40 MINIT ITU, PERDANA MENTERI MENYENTUH PELBAGAI ISU ANTARABANGSA DAN SERANTAU YANG DIHADAPI OLEH DUNIA DAN PERANAN YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU SEBAGAI BADAN YANG BENAR-BENAR BERKESAN BAGI MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN DUNIA.

BELIAU BERKATA KEWIBAWAAN BANGSA-BANGSA BERSATU KINI BERADA PADA TAHAP YANG PALING RENDAH DAN MENEGASKAN PERLUNYA DIPULIHKAN KEMBALI KEPERCAYAAN KEPADA BADAN DUNIA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH TIDAK BERMAKNA BAGI NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA MENOLONG MEMULIHKAN KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN MASYARAKAT ANTARABANGSA KEPADA KEMAMPUAN BADAN ITU MEMAINKAN PERANAN YANG MEMBINA DALAM MENYELESAIKAN MASALAH DAN KRISIS.

+APA YANG DIPERLUKAN IALAH SOKONGAN SEPENUHNYA NEGARA-NEGARA KUASA BESAR. MEREKA MESTILAH MEMBERI NAFAS KEPADA BADAN ITU DENGAN MEMATUHI KEPUTUSAN-KEPUTUSANNYA DAN MEMBERI KESAN KEPADANYA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN TELAH DILANGGAR DAN INI NAMPAKNYA MERUPAKAN SATU-SATUNYA PERKARA YANG BETUL.
- LAGI 1055/BW

MAHATHIR - ANTARTIKA 5 NEW YORK

+NEGARA-NEGARA LEMAH SEPERTI AFGHANISTAN, KAMPUCHEA DAN LUBNAN DILANYAK OLEH PASUKAN-PASUKAN TENTERA PENCEROBOH SEDANGKAN NEGARA-NEGARA LAIN HANYA MELIHATNYA SAHAJA.

+EKONOMI NEGARA-NEGARA MISKIN MENJADI PURAK-PERANDA KERANA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA AKIBAT DASAR-DASAR BUATAN MANUSIA DALAM PUSAT-PUSAT PERDAGANGAN DAN KEWANGAN DUNIA.

+RAYUAN-RAYUAN NEGARA MISKIN HANYA MENJADI PERKARA KEDUA DALAM PERBINCANGAN NEGARA-NEGARA KAYA UNTUK MERANGKA DUNIA MEREKA SENDIRI.

+DAN DI LUBNAN, BERIBU-RIBU RAKYAT PALESTIN DIBUNUH ATAS NAMA KESELAMATAN BAGI ISRAEL DAN KUNCU-KUNCUNYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU MASA DAHULU BANGSA-BANGSA BERSATU MENGHANTAR SATU PASUKAN BERBILANG NEGARA UNTUK MENCEGAH SATU PENCEROBOHAN DAN INI MENCAPAI KEJAYAAN.

+TETAPI SEKARANG IA TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA,+ KATANYA.
-- LAGI 1105/MK

MAHATHIR - ANTARTIKA 6 NEW YORK

BELIAU BERKATA RESOLUSI DEMI RESOLUSI DILULUSKAN OLEH BERBAGAI -BAGAI JAWATANKUASA BANGSA-BANGSA BERSATU TETAPI PENCEROBOHAN, KEKEJAMAN DAN PENINDASAN EKONOMI TERUS BERLAKU JUGA. NEGARA-NEGARA KECIL DAN LEMAH HIDUP DALAM KEBIMBANGAN AKAN HILANG KEMERDEKAAN, KESELESAAN MALAHAN NYAWA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI ASIA TENGGARA, MASALAH KAMPUCHEA TERUS MENJADI ANCAMAN TERHADAP KEAMANAN DAN KESELAMATAN.

WALAUPUN PERSIDANGAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU TELAH TIGA KALI MENYERU DIUNDURKAN SEPENUHNYA TENTERA ASING DAN MEMBERI PELUANG RAKYAT KAMPUCHEA MEMBUAT PENENTUAN SENDIRI, +MEREKA YANG BOLEH MEMBANTU MENCAPAI PENYELESAIAN POLITIK TIDAK BEGITU MENGAMBIL BERAT TENTANG KELAZIMAN AMALAN-AMALAN ANTARABANGSA.+

BELIAU BERKATA DUNIA HARUSLAH MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA KEADAAN DI KAMPUCHEA SEBELUM PERMUSUHAN ANTARA KUASA-KUASA BESAR MENJADI LEBIH BURUK KEPADA KONFRANTASI TERBUKA DAN APABILA INI BERLAKU, BANGSA-BANGSA BERSATU SEKALI LAGI TIDAK AKAN BERKUASA BERBUAT APA-APA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU PERSIDANGAN AGUNG ITU MENYOKONG KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA YANG DIKETUAI OLEH PUTERA NORODOM SIHANOUK. KEPULANGAN PUTERA ITU KE KAMPUCHEA UNTUK MEMULIHKAN KEBEBASAN DAN KEMERDEKAAN DITUNGGU-TUNGGU DENGAN PENUH HARAPAN. - LAGI 1128/BW

MAHATHIR - ANTARTIKA 7 NEW YORK

MENGENAI ASIA BARAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT PALESTIN YANG DIUSIR DARI TANAH-AIR MEREKA TERPAKSA BERPINDAH DARI SATU TEMPAT PERLINDUNGAN KE SATU TEMPAT LAIN DAN HAK-HAK MEREKA SEBAGAI MANUSIA MASIH LAGI TIDAK DIBERIKAN. +MEREKA MALAH TIDAK DIBERI LAYANAN SEBAGAI MANUSIA SEBAGAIMANA DIBUKTIKAN OLEH PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DI LUBANAN,+ KATANYA.

BELIAU MENYERU AMERIKA SYARIKAT SEBAGAI PEMBEKAL UTAMA SENJATA KEPADA ISRAEL SUPAYA MENKAJI SEMULA KEDUDUKANNYA KERANA SENJATA-SENJATA ITU DIGUNAKAN SEMATA-MATA UNTUK MEMBUNUH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DISAMPING PENGGUNAAN SENJATA YANG TERATUR DAN TERANCANG TERHADAP PALESTIN DAN KAWASAN-KAWASAN ARAB, ISRAEL TERUS MENYEBARKAN DAKWAAN TIDAK WUJUDNYA RAKYAT PALESTIN DAN DENGAN ITU MENGHAMPAKAN SEGALA USAHA KE ARAH PENYELESAIAN YANG ADIL DAN BERKEKALAN KEPADA PETELINGKAHAN ITU.

BELIAU BERKATA MALAYSIA MENGALU-ALUKAN DAYA UTAMA YANG DIAMBIL OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN ARAB DI FEZ, MAGHRIBI BARU-BARU INI UNTUK MENGEMUKAKAN SATU RUMUSAN BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT PALESTIN PULANG KE TANAH-AIR MEREKA DAN MENGGUNAKAN HAK-HAK MEREKA DI PALESTIN. -- LAGI 1145/MK

MAHATHIR - ANTARTIKA 8 NEW YORK

BELIAU BERKATA DUNIA DAN PARA PENYOKONG ISRAEL HENDAKLAH MEMPENGARUHI NEGARA YANG BERSIKAP DEGIL ITU SUPAYA KEMBALI BERSIKAP WARAS DAN MENGIKUTI LANDASAN TAMADUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERTANYA SAMA ADA DUNIA HANYA MENGANGGAP PENTING KESELAMATAN BAGI ISRAEL TANPA MEMPERHITUNGAN KESELAMATAN BAGI NEGARA-NEGARA ARAB DI SEKELILINGNYA.

BELIAU BERKATA MASALAH AFGHANISTAN ADALAH SATU LAGI CONTOH PENGGUNAAN KUASA DENGAN SEWENANG-WENANGNYA DAN MALAYSIA MENYOKONG USAHA SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU KE ARAH MENGADAKAN RUNDINGAN SECARA LANGSUNG DENGAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN UNTUK Mencari penyelesaian politik yang selaras dengan resolusinya dan resolusi persidangan Islam.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG PERANG IRAN-IRAQ YANG KATANYA SUDAH TERLALU BERLARUTAN DAN MENGGESA MEREKA BERDAMAI SEMULA SEBAGAI SATU PENYELESAIAN YANG BERKEKALAN.

MENGENAI MASALAH DADAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU BANGSA-BANGSA BERSATU BERTINDAK SECARA POSITIF UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU DI PUNCANYA KERANA IA BOLEH MEMUSNAHKAN GENERASI AKAN DATANG JIKA DIBIARKAN MEREBAK. -- BERNAMA 1200/MK